
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HSM 318 – SEMINAR SEJARAH POLITIK MALAYSIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Sekurang-kurangnya SATU soalan tetapi tidak lebih daripada DUA soalan mestilah dijawab daripada bahagian B.

...2/-

Bahagian A

1. "Kesedaran politik dan nasionalisme dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu sebelum 1941 lebih didorong oleh faktor luaran daripada faktor dalaman". Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
2. Nilaiikan peranan golongan agama dan kepimpinan arus bawah dalam perjuangan mencapai kemerdekaan di Tanah Melayu antara 1900-1957.
3. "UMNO kelihatan seperti bersungguh-sungguh menentang Malayan Union manakala PKMM dan pertubuhan-pertubuhan politik bukan Melayu dikatakan menyokong Malayan Union. Namun, sehingga awal 1950-an British lebih selesa berunding dengan UMNO daripada dengan kumpulan-kumpulan lain di Tanah Melayu". Bahaskan.
4. "Keganasan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) telah memaksa kerajaan British mengisytiharkan Darurat pada pertengahan tahun 1948. Darurat telah mempercepatkan proses tercapainya kemerdekaan bagi Tanah Melayu". Nilaiikan pernyataan di atas.
5. "Dato Onn bin Jaafar adalah seorang yang realistik, berpandangan jauh dan selalu bertindak mendahului zamannya. Inilah punca utama kegagalan beliau dalam kerjaya politiknya". Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?

Bahagian B

6. "Singapura adalah pihak yang paling bersungguh-sungguh mengusahakan penubuhan Malaysia. Tetapi kerana sebab-sebab yang sudah dapat dijangkakan Singapura telah berpisah daripada Malaysia dalam tahun 1965". Bincangkan.
7. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa jurang ekonomi antara kaum adalah punca utama Peristiwa 13 Mei 1969?
8. Bincangkan corak dan faktor yang mempengaruhi perhubungan kerajaan pusat di Kuala Lumpur dengan sama ada kerajaan negeri Sarawak atau Sabah atau Kelantan antara 1965-1990.